

LAPORAN TAHUNAN 2012 ANNUAL REPORT

TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN
Transforming The Construction Industry





TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN

Dengan cabaran Rancangan Malaysia ke-10, Program Transformasi Kerajaan dan Ekonomi, serta cita-cita mulia untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, kedua-dua landskap ekonomi dan pembinaan perlu diubah secara drastik. Tuntutan ke atas industri pembinaan tidak akan terbatas kepada menyiapkan infrastruktur dan bangunan di mana aktiviti ekonomi dan perniagaan berlaku, industri mesti menyampaikan ini dengan cekap dan berkesan dan lebih lagi. Bukan sahaja industri mesti menambah nilai kepada penghantaran projeknya, ia hendaklah menghasilkannya tanpa menyebabkan kerosakan kekal bagi persekitaran. Untuk mencapai hasrat ini, industri mesti memulakan satu pergerakan pertukaran untuk mencapai pemberaan yang radikal dalam proses pembinaan. Ia mesti berubah dan membawa pembinaan ke satu tahap baru dari segi kecekapan, produktiviti dan kebimbangan untuk kesihatan & keselamatan serta kelestarian alam sekitar.

Ke arah ini, CIDB telah bekerja dengan kerajaan dan industri merancang inisiatif yang strategik untuk mencapai peningkatan proses pembinaan yang berterusan dan mampan. Antara inisiatif ini termasuklah menggunakan IT secara bijak dan praktikal, penggunaan Building Information Modelling, kaedah komunikasi berkesan antara rantaian pembekal dan menerima maklumat mekanisasi dan kaedah serta teknik baru pembinaan. Inisiatif-inisiatif ini dijangka dapat melengkapkan program-program sedia ada seperti membina kapasiti dan keupayaan tenaga kerja, meningkatkan kecekapan- kecekapan kewangan dan teknikal syarikat pelaksanaan agresif teknologi hijau dalam pembinaan.

Pembinaan Malaysia berada di persimpangan jalan. Ianya diharap dapat menghasilkan lebih banyak kemudahan dan infrastruktur dengan lebih bermutu dan cekap untuk memenuhi tuntutan ekonomi, politik dan sosial sesebuah masyarakat moden. Pembinaan Malaysia mesti menghasilkan produk dan perkhidmatannya melalui proses yang dapat menjamin kebaikan mutu, lebih efisien serta pengurangan sisa, pembaziran dan proses yang tidak cekap. Industri pembinaan Malaysia mesti beralih ke arah yang dapat membantu menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020.

TRANSFORMING THE CONSTRUCTION INDUSTRY

With the challenges of the 10th Malaysia Plan, the Government as well as the Economic Transformation Programs and the push to be a high income economy by 2020, both economic and construction landscapes will have to be changed drastically. Demands made on the construction industry will not be limited to just delivering the needed facilities and infrastructure, where economic and business activities take place, the industry must deliver this effectively, efficiently and more. Not only must the industry add value to its project delivery, it must achieve this without inflicting permanent damage to the environment. To this end, the industry must initiate a movement for change to achieve radical improvements in the process of construction. It must transform and bring the construction to a new level of efficiency, productivity and its concern for health & safety as well as environmental sustainability.

Towards this end, CIDB has been working with the government and the industry to plan strategic initiatives to see a continuous and sustained improvement in the process of construction. Some of these initiatives include intelligent and practical adoption of IT, deployment of Building Information Modelling, improved communication between the supply chain and adoption of mechanisation and new construction methods and techniques. These will complement existing programs to build capacity and capability of the workforce, improve financial and technical competencies of the contracting companies and progressive implementation of green technology in construction.

Malaysia's construction is at a crossroad. It is now expected to deliver more in order to meet the political, social and economic demands of a modern society. Malaysian construction must deliver its products and services in a manner that will uplift the quality standard, build quicker and improving the cost parameters by removing wastes and inefficient processes. The Malaysian construction industry must transform in order to help delivering a promise of a developed nation by 2020.

KANDUNGAN

Contents

6	MAKLUMAT KORPORAT Corporate Information	54	Diari CIDB CIDB Diary
7	Misi Mission	60	BIDANG KEUTAMAAN CIDB CIDB Priority Areas
8	Bidang Keutamaan CIDB 2012 CIDB Priority Areas 2012	62	Bidang Keutamaan 1 – Latihan Industri Binaan Priority Area 1 – Construction Industry Training
9	Nilai Murni CIDB CIDB Core Values	66	Bidang Keutamaan 2 - Penggalakan Mekanisasi Dalam Industri Binaan Priority Area 2 – Promoting Mechanization in Construction Industry
10	Piagam Pelanggan CIDB CIDB Customers Charter	70	Bidang Keutamaan 3 – Meningkatkan Kapasiti dan Kapabiliti Kontraktor Binaan Priority Area 3 – Enhancing Capacity and Capability of Contractors
11	Ibu Pejabat & Pejabat Negeri Head Office & State Offices	74	Bidang Keutamaan 4 – Pembangunan Usahawan Binaan Muda Bumiputra Priority Area 4 – Development of Young Bumiputra Entrepreneurs
12	Senarai Anggota Lembaga List of Board Members	76	Bidang Keutamaan 5 – Meningkatkan Penggunaan Teknologi Hijau Dalam Pembinaan Priority Area 5 – Enhancing Green Technology Application in Construction
14	Profil Anggota Lembaga Board Member Profiles	78	Bidang Keutamaan 6 – Mempromosikan Industri Pembinaan Priority Area 6 – Promoting Construction Industry
25	Tadbir Urus Korporat Corporate Governance	81	Bidang Keutamaan 7 – Pelaksanaan Pindaan Akta CIDB Priority Area 7 – Implementing Amendments to CIDB Act
28	Tanggungjawab Sosial Korporat Corporate Social Responsibility	85	Ekonomi Pembinaan Construction Economics
29	Anak Syarikat Subsidiaries	90	Program CIDB yang Lain Other CIDB Programs
31	Kumpulan Pengurusan Management Team	94	PENYATA KEWANGAN Financial Statements
37	Struktur Organisasi Organisational Structure	157	SINGKATAN Abbreviations
40	Statistik Statistic		
46	Sumber Tenaga Manusia Human Resource		
47	Prestasi Kewangan Financial Performance		
49	Penyata Pengerusi Chairman's Statement		

MAKLUMAT KORPORAT

Corporate Information

MAKLUMAT KORPORAT

Corporate Information

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia yang telah ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi menjalankan fungsi-fungsi berkaitan dengan industri pembinaan. Fungsi-fungsi ini adalah seperti berikut;

- Memajukan dan merangsang pembangunan, pembinaan dan pengembangan industri pembinaan;
- Menasihati dan membuat syar'ah kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
- Memajukan, merangsang dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;
- Memajukan, merangsang dan membantu dalam pengeksporatan perkhidmatan berhubungan dengan industri pembinaan;
- Mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- Memajukan dan menggalakkan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- Mengawal selia pematuhan standard bagi mutu kerja binaan dan bahan binaan;
- Mendapatkan, menyiarkan, memulakan dan menyenggarakan maklumat yang berhubungan dengan industri pembinaan termasuklah penubuhan sistem maklumat industri pembinaan;
- Mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan latihan dalam industri pembinaan;
- Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor itu;
- Mendaftar, mengakreditasi dan memperakrukan personel binaan dan membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan pemerakuan personel binaan itu.

Pada tahun 2012, Akta ini telah dipinda untuk memantapkan lagi peranan CIDB dalam penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dapat menjamin kualiti dan pembinaan yang selamat di samping meningkatkan amalan terbaik dalam industri pembinaan. Di samping penambahbaikan kepada beberapa fungsi sediada, fungsi berikut merupakan fungsi tambahan CIDB ekoran Pindaan Akta CIDB 520;

- Mengawal selia pelaksanaan bagi kerja pembinaan yang berkualiti dan selamat;
- Mengawal selia pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dalam industri pembinaan; dan
- Menguruskan apa-apa aduan atau laporan yang dibuat berkenaan dengan apa-apa kegagalan kerja pembinaan atau kerja pembinaan yang telah siap yang menyentuh keselamatan awam dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menanganinya.

Construction Industry Development Board is a federal statutory body under the Ministry of Works Malaysia which was established under the Construction Industry Development Board Act (Act 520) to undertake the functions related to the construction industry. Functions of CIDB are as follows ;

- To promote and stimulate the development, improvement and expansion of the construction industry;
- To advise and make recommendations to the Federal Government and the State Government on matters affecting or connected with the construction industry;
- To promote, stimulate and undertake research into any matter relating to the construction industry;
- To promote, stimulate and assist in the export of service relating to the construction industry;
- To provide consultancy and advisory services with respect to the construction industry;
- To promote and encourage quality assurance in the construction industry;
- To regulate the conformance of standards for construction workmanship and materials;
- To obtain, publish, initiate and maintain information relating to the construction industry including the establishment of a construction industry information system;
- To provide, promote, review and coordinate training in the construction industry;
- To register and accredit contractors, to impose any conditions of registration and accreditation of the contractors and to revoke, suspend or reinstate the registration and accreditation;
- To register, accredit and certify construction personnel and to revoke, suspend or reinstate the registration, accreditation and certification of such construction personnel;

In 2012, the Act was amended to strengthen CIDB's roles in enforcing safe and quality construction and at the same time enhance the adoption of best practices in construction. In addition to enhancing a number of existing functions, the following are additional functions entrusted upon CIDB following the amendment to CIDB Act 520,

- To regulate the implementation for quality and safe construction works;
- To regulate the implementation of Industrialised Building System in the construction industry; and
- To attend to any complaint or report made in relation to any failure of construction works or completed construction works which affects public safety and take appropriate actions to address it.

MISI & VISI

Mission & Vission

MISI

Mission

Untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia.
To develop the Malaysian construction industry.

KENYATAAN MISI

Mission Statement

Untuk meningkatkan daya saing industri pembinaan Malaysia.
To enhance the competitiveness of the Malaysian construction industry

VISI

Vission

CIDB sebagai organisasi terunggul dalam membangunkan industri pembinaan bertaraf dunia
CIDB to be a distinguished organisation in developing a world class construction industry.

OBJEKTIF

Objective

Untuk membangun kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
To develop the capacity and capability of the construction industry through the enhancement of quality and productivity by placing great emphasis on professionalism, innovation and knowledge in the endeavour to improve the quality of life.

BIDANG KEUTAMAAN CIDB 2012

CIDB Priority Areas 2012

7 bidang keutamaan seperti di bawah telah dirumuskan bagi melaksanakan program pada tahun 2012. Ianya juga menjadi panduan untuk perancangan sumber dan bajet CIDB.

1. Latihan Industri Binaan

Latihan industri binaan akan dipertingkatkan dan ditambahbaik dengan memberi penekanan kepada penambahan nilai untuk pelatih. Pelaksanaan latihan yang 'market driven' akan dapat meningkatkan 'marketability' pelatih.

2. Penggalakkan Mekanisasi dalam Industri Binaan

Pelaksanaan IBS akan diteruskan dan diperluaskan kepada penggunaan mesin, jentera dan lain-lain 'tools' serta mengambilkira aspek-aspek percuakan, kewangan dan insentif sebagai meneruskan usaha dalam menggalakkan mekanisasi dalam industri binaan.

3. Meningkatkan Kapasiti dan Kapabiliti Kontraktor Binaan

Peningkatan kapasiti dan kapabiliti kontraktor binaan akan dapat dicapai dengan pengetatan kriteria pendaftaran melalui pelaksanaan 1RoC, penilaian prestasi melalui SCORE, QLASSIC dan SHASSIC serta persijilan ISO 9001.

4. Pembangunan Usahawan Binaan Muda Bumiputera

Program ini merupakan program baru saranan YB Menteri bagi menyediakan ruang peningkatan kepada usahawan Bumiputra untuk dibangunkan supaya berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing khususnya kontraktor kerja-kerja ubahsuai.

5. Meningkatkan Penggunaan Teknologi Hijau dalam Pembinaan

Peningkatan penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan akan diselaraskan dengan Dasar Teknologi Hijau Negara. Penyediaan infrastruktur dari segi produk aplikasi, peralatan, sistem penilaian dan pelabelan hijau (eco-labeling) akan diwujudkan beserta peningkatan kesedaran melalui program sokongan dan komitmen yang berterusan.

6. Mempromosikan Industri Pembinaan

Minggu Pembinaan Antarabangsa 2012 (ICW 2012) yang telah berlangsung pada 14 – 16 Februari 2012 di KLCC telah berjaya mempromosikan industri pembinaan kepada pengguna dan pihak berkepentingan. Ia merupakan acara perdana di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di mana lebih daripada 20,000 pengunjung telah menghadiri pelbagai acara sepanjang minggu tersebut.

7. Pelaksanaan Pindaan Akta CIDB

Dengan Pindaan Akta 520, CIDB akan memainkan peranan sebagai badan regulatori melibatkan pengenaan dan kutipan levi; akreditasi dan pendaftaran tenaga kerja dan kontraktor; penilaian dan persijilan bahan binaan; pelaksanaan IBS dan mengawal selia kualiti dan keselamatan di tapak bina. Justeru itu, peningkatan keupayaan dalam aktiviti penguatkuasaan, tindakan tatatertib, pendakwaan dan lain-lain tindakan ke atas mereka yang melanggari kehendak Akta 520 perlu ditekankan.

The following 7 priority areas have been established for implementation in 2012. These priority areas will form the basis upon which all CIDB programs and activities will be planned, budgeted and the necessary resources allocated.

1. Construction Industry Training

Construction industry training will be enhanced and improved by focusing on adding value to the trainees. Implementation of 'market driven' training is expected to increase marketability of the trainees.

2. Promoting Mechanization in Construction Industry

IBS implementation will be continued and expanded to the use of machinery, equipment and other tools and taking into consideration the aspects of taxation, financing and incentives as a continuing effort to promote mechanization in the construction industry.

3. Enhancing Capacity and Capability of Contractors

Increased capacity and capability of the contractors will be achieved through the tightening of the registration criteria as implemented through 1RoC, performance evaluation through SCORE, QLASSIC and SHASSIC as well as ISO 9001 certification.

4. Development of Young Bumiputera Entrepreneurs

The program is a new program proposed by YB Minister of Works to provide better opportunities for Bumiputra Entrepreneurs to grow, sustain and be competitive, especially in the field of house renovation

5. Enhancing Green Technology Application in Construction

The increased use of green technology in construction will be aligned with the National Green Technology Policy. Provision of infrastructure in terms of application of products, equipment and green evaluation and labeling system (eco-labeling) will be provided along with enhancing green technology awareness through continuous support and commitment.

6. Promoting Construction Industry

International Construction Week (ICW) 2012 which was held from 14 to 16 February 2012 at KLCC has successfully promoted the construction industry consumers and stakeholders. It is the premier construction event at the national and international level in which more than 20,000 visitors attended various events throughout the Week.

7. Implementing Amendments to CIDB Act

With the amendment to CIDB Act 520, CIDB will play a role as a regulatory body involving the imposition and collection of levies; accreditation and registration of workers and contractors; assessment and certification of building materials; implementation of IBS and regulate the quality and safety at construction sites. As such, increasing the ability of enforcement activities, disciplinary action, prosecution and other actions against those who violate the requirements of Act 520 should be emphasized.

NILAI MURNI CIDB

CIDB Core Values



COHESIVENESS (PERSEPAKATAN)

Kami bersepakat bekerja sebagai satu pasukan
We work cohesively as a team



INTEGRITY (INTEGRITI)

Kami berpegang kepada prinsip integriti
We uphold integrity



DISCIPLINED (DISIPLIN)

Kami berdisiplin tinggi
We are highly disciplined



BEST (TERBAIK)

Kami memberi yang terbaik
We deliver the best



MOTIVATED (MOTIVASI)

Kami bermotivasi tinggi
We are highly motivated

PIAGAM PELANGGAN CIDB

CIDB Customer's Charter

A. PENDAFTARAN KONTRAKTOR TEMPATAN

Permohonan baru, pembaharuan dan kenaikan gred/tambah kategori & pengkhususan kontraktor akan disiapkan dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penjanaan nombor permohonan.

Permohonan perubahan butiran pendaftaran akan disiapkan dalam tempoh 3 hari bekerja.

Sijil Perakuan Pendaftaran akan disiapkan pada hari yang sama jika berurusan di kaunter dan 3 hari bekerja jika menerusi pos.

B. PENDAFTARAN PERSONEL BINAAN

Kad Pendaftaran Personel Binaan (Kad Hijau) akan disiapkan dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang yang lengkap.

C. PUNGUTAN LEVI

Pengenaan levi dibuat dalam tempoh 10 hari bekerja dari tarikh penerimaan borang yang lengkap.

Sijil Perakuan Pembayaran Levi akan disiapkan dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh bayaran.

A. LOCAL CONTRACTOR REGISTRATION

New applications, renewal and upgrading/additional categories & contractor specialization will be completed within 14 working days from the date of application.

Application for change in details of registration will be completed within 3 working days.

Certificate of Registration will be completed on the same day, if application is submitted via the counter, and within 3 working days if submitted by post.

B. CONSTRUCTION PERSONNEL REGISTRATION

The Construction Personnel Registration card (Green Card) will be ready within 10 working days from the date of receiving the completed application.

C. LEVY COLLECTION

Levy will be imposed within 10 working days from the date of receiving the completed forms.

Levy Payment Acknowledgement Certificate will be ready within 3 working days from the date of payment received.

IBU PEJABAT & PEJABAT NEGERI

Head Office & State Offices



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Construction Industry Development Board Malaysia

Tingkat 7, Grand Seasons Avenue
72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Telefon/ Telephone : 603-26170200
Faks/ Fax : 603-26170220
Laman Web/ Website : www.cidb.gov.my

CIDB Johor/Johor CIDB

Lot 2067, Batu 3
Jalan Tampoi
81200 Johor Bahru
Johor
Telefon/Telephone : 607-2344808
Faks/Fax : 607-2344807

CIDB Perak/Perak CIDB

Lot 5.02, Tingkat 5
Bangunan KWSP, Jalan Greentown
30450 Ipoh
Perak
Telefon/Telephone : 605-2423488
Faks/Fax : 605-2555488

CIDB Terengganu/Terengganu CIDB

Tingkat 7, Menara Yayasan Islam
Terengganu,
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu
Terengganu
Telefon/Telephone : 609-
6245311/6238977
Faks/Fax : 609-6238973

CIDB Kedah/Perlis

Kedah/Perlis CIDB
Lot 7&8, Kompleks Perniagaan
Asas Jaya,
Jalan Stadium,
05100 Alor Setar,
Kedah.
Telefon/Telephone : 04-733 1243
Faks/Fax : 04-733 1175

CIDB Pulau Pinang/Penang CIDB

Lot 9.01, Tingkat 9, Bangunan KWSP
No. 3009,
Off Lebuh Tenggiri 2
Bandar Seberang Jaya
13700 Seberang Jaya
Pulau Pinang
Telefon/Telephone : 604-3902448
Faks/Fax: 604-3907448

CIDB Wilayah Persekutuan/ Federal Territory CIDB

Tingkat 7, Grand Seasons Avenue
72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Telefon/Telephone : 603-4045 3800
Faks/Fax : 603-4045 3858

CIDB Kelantan/Kelantan CIDB

No. U7.2, Tingkat 7, Menara
Perbadanan,
Jalan Tengku Petra, Semarak
15000 Kota Bharu
Kelantan.
Telefon/Telephone : 609-7435311
Faks/Fax : 609-7444311

CIDB Sabah/Sabah CIDB

Tingkat 4, Blok A, Bangunan
KUWASA
88100 Kota Kinabalu
Sabah
Telefon/Telephone : 6088-
235060/236623
Faks/Fax : 6088-242481

CIDB Cawangan Miri/Miri Branch CIDB

Lot 1140, Blok 9, Miri Concession
Land District
Miri Water Front
98000 Miri
Sarawak
Telefon/Telephone : 6085-417431
Faks/Fax : 6085-417432

CIDB Melaka/Malacca CIDB

No. 24-2 & 26-2, Tingkat 2
Bangunan Kota Cemerlang
Lebuh Ayer Keroh
75450 Ayer Keroh
Melaka
Telefon/Telephone : 606-232 8895
Faks/Fax : 606-232 8950

CIDB Sarawak/Sarawak CIDB

Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB
Jalan Sultan Tengah
93050 Kuching
Sarawak
Telefon/Telephone : 6082-
445833/446833
Faks/Fax : 6082-447833

CIDB Cawangan Tawau/Tawau Branch CIDB

Tingkat 1 Wisma Gek Pah,
Batu 1, Jalan Dunlop / Kuhara
Beg Berkunci No. 7,
91009 Tawau,
Sabah.
Telefon/Telephone : 089 - 777
841/842
Faks/Fax : 089 - 777 840

CIDB Pahang/Pahang CIDB

A1, Tingkat Bawah
Jalan Seri Kuantan 2
Seri Kuantan Square
25050 Kuantan,
Pahang.
Telefon/Telephone : 09 - 517 8734
Faks/Fax : 09 - 517 8751

CIDB Selangor/Selangor CIDB

Tingkat 5 & 6, Bangunan Wisma PKPS
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14
40675 Shah Alam
Selangor
Telefon/Telephone : 03 - 55128600
Faks/Fax : 03 - 55128620

SENARAI ANGGOTA LEMBAGA

List Of Board Members



1 DATUK Ir. HAMZAH HASAN **2 DATUK HIMMAT SINGH** **3 DATO' Dr. Ir. JOHARI BASRI** **4 DATO' SRI Ir. Dr. JUDIN ABDUL KARIM** **5 DATO' HASHMUDDIN MOHAMMAD**



6 DATUK NG SEING LIONG J.P **7 DATO' HAJI MOKHTAR SAMAD** **8 KWAN FOH KWAI** **9 DATO' A.K. NATHAN** **10 DATO' Dr. Ir. HJ. ABDUL RASHID BIN MAIDIN** **11 DATO' Dr. Ir. GAN THIAN LEONG**

PROFIL ANGGOTA LEMBAGA

Board Members' Profile

**DATUK Ir. HAMZAH
HASAN**

Datuk Ir. Hamzah memulakan kerjaya sebagai Jurutera Awam di Jabatan Kerja Raya (JKR) dari tahun 1975 untuk tempoh selama 23 tahun dalam berbagai jawatan. Beliau merupakan Pengarah Binaan di K.L International Airport Berhad (KLIAB). Datuk Ir. Hamzah menyertai Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB), sebelum beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif CIDB pada tahun 2003 hingga 31 Disember 2010 apabila perkhidmatan beliau diteruskan sebagai Pengerusi CIDB.

Datuk Ir. Hamzah Hasan started his career as a Civil Engineer in JKR from 1975 and served the Department for 23 in various capacities. He served as Construction Director for K.L International Airport Berhad (KLIAB). Datuk Ir. Hamzah joined Ahmad Zaki Resources Berhad (AZRB), prior to his appointment as the Chief Executive of CIDB from 2003 until 31 December 2010 when he was elevated as Chairman of CIDB.



**DATUK HIMMAT
SINGH**

Datuk Himmat Singh mula berkhidmat dalam sektor awam pada tahun 1981 di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Untuk hampir tiga puluh tahun berikutnya, beliau diberi kepercayaan untuk menjawat beberapa jawatan penting di Kementerian dan agensi kerajaan yang lain. Beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi, sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya pada Oktober 2011.

Datuk Himmat Singh mempengerusikan Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Pelaburan di peringkat Lembaga. Beliau juga ialah Ahli Lembaga CIDB Holdings Sdn Bhd. dan Ahli Lembaga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Datuk Himmat Singh began his civil service career in 1981 in the Ministry of Science, Technology and Environment. For the next thirty years, he was entrusted with a number of important positions in key Ministries and Agencies. He was the Deputy Director General of EPU, before he was appointed as the Secretary General of the Ministry of Works on October 2011.

At CIDB, Datuk Himmat Singh chairs the CIDB Board's Finance, Accounts and Investment Committee. He is also a Board Member of CIDB Holdings Sdn. Bhd. and a Board Member of Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

DATO' Dr. Ir. JOHARI BASRI

Dato' Dr. Ir. Johari Basri ialah Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Malaysia. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah Eksekutif Institut Keselamatan dan Kesihatan Nasional (NIOSH) Malaysia dari tahun 2000 – 2002 dan 2004 – 2007 dan Pengarah Eksekutif ASEAN OSHNET, dari tahun 2004 hingga 2008. Dato' Dr. Ir. Johari memperolehi ijazah PhD dari Sheffield University.

Di CIDB, Dato' Dr. Ir. Johari Basri ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia dan menjadi ahli Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Pelaburan. Beliau juga Ahli Lembaga NIOSH, BEM dan Standard Council & Accreditation Malaysia (MSDAM).

Dato' Dr. Ir. Johari Basri is the Director General, Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Malaysia. He was formerly the Executive Director of National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Malaysia from 2000-2002 and 2004-2007. He has also served as the Executive Director of ASEAN OSHNET, from 2004 to 2008. Dato' Dr. Ir. Johari obtained his PhD from the University of Sheffield.

In CIDB, he is the Chairman of CIDB Human Resource Development Committee and a Committee Member of CIDB Finance, Accounts and Investment Committee. He is also a Board Member of NIOSH, BEM and Standard Council & Accreditation Malaysia (MSDAM).



DATO' HASHMUDDIN MOHAMMAD

Dato' Hashmuddin Mohammad merupakan Setiausaha, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia sejak tahun 2012. Beliau mewakili Kementerian Kewangan dan negara dalam Mesyuarat Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) Government Procurement Experts Group dan merupakan Timbalan Ketua Perunding bagi rundingan FTA Malaysia-USA, Malaysia-EU FTA, Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) berkaitan Perolehan Kerajaan.

Di peringkat Lembaga beliau mempengerusikan Jawatankuasa Audit dan menjadi ahli Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Pelaburan.

Dato' Hashmuddin Mohammad is Under Secretary, Government Procurement Division at the Ministry of Finance Malaysia since 2012. He represented the Ministry of Finance and the nation in Asia Pacific Economic Cooperation Meeting (APEC) for Government Procurement Experts Group and was the Deputy Head Negotiator for FTA Malaysia-USA, Malaysia-EU FTA, Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) Malaysia-EU FTA, Trans Pacific Partnership Agreement (TPPA) negotiation in relation to Government Procurement.

At Board level, he is the Chairman of Audit Committee and a member of Finance, Account and Investment Committee.

DATUK NG SEING LIONG J.P

Datuk Ng Seing Liong adalah seorang akauntan bertauliah dan merupakan Pengarah Urusan sebuah syarikat pemaju perumahan, Kota Kelang Development Sdn. Bhd. Beliau terlibat dalam Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) sejak tahun 1977, berkesudahan dengan beliau dilantik sebagai Presiden REHDA bagi penggal 2006 – 2010. Beliau juga merupakan Ahli Tribunal bagi Lembaga Disiplin Majlis Peguam, ahli Majlis Tindakan Ekonomi Nasional dan berkhidmat sebagai penasihat bagi beberapa persatuan.

Di peringkat Lembaga, Ng Seing Liong menganggotai Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia dan Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Pelaburan CIDB.

A qualified accountant by profession, Datuk Ng Seing Liong is the Managing Director of Kota Kelang Development Sdn. Bhd., a housing developer. He has been involved in the Real Estate and Housing Developers' Association Malaysia (REHDA) since 1977 and ultimately was appointed its President for the 2006-2010 term. He is also a Tribunal Member for the Disciplinary Board of The Bar Council, a member of the National Economic Action Council and serve as an advisor to several associations.

In the Board of CIDB, Ng Seing Liong sits in the Human Resource Development Committee and CIDB Finance, Accounts and Investment Committee as a member.



DATO' HAJI MOKHTAR SAMAD

Dato' Haji Mokhtar Samad ialah Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia dan Pengerusi Eksekutif bagi Konsortium Melayu Sdn Bhd. Beliau bergiat aktif sebagai ahli Majlis Penasihat, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia dan Timbalan Pengerusi bagi Majlis Pembangunan Usahawan Wilayah Persekutuan. Selain itu, Dato' Haji Mokhtar Samad juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kewangan bagi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu Berhad.

Di peringkat Lembaga beliau mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Kontraktor dan ahli Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia.

Dato' Haji Mokhtar Samad is the President of Malay Contractors Association Malaysia and Executive Director of Konsortium Melayu Sdn Bhd. He's actively involved as a member of Advisory Council, Malay Chamber of Commerce Malaysia and as Deputy Chairman for the Federal Territory Entrepreneur Development Council. In addition, Dato' Haji Mokhtar Samad also a Finance Committee Member for Majlis Tindakan Ekonomi Melayu Bersatu Berhad.

At Board level, he is the Chairman of Contractor Development Committee and a Member of Human Resource Development Committee.

KWAN FOH KWAI

Kwan Foh Kwai ialah Pengarah Urusan Sunway Construction Berhad dan telah dilantik sebagai Presiden Master Builders Association of Malaysia dari tahun 2010 hingga 2012. En. Kwan memulakan kerjaya beliau di JKR pada tahun 1977 dan berhijrah ke Promet Construction Sdn Bhd dan seterusnya ke Alam Baru Sdn Bhd. Beliau menyertai Taisei Corporation dari tahun 1986 hingga 1996. En Kwan memiliki pengalaman luas selama lebih 34 tahun berkecimpung dalam industri pembinaan di sektor awam dan juga swasta.

Di CIDB, En. Kwan merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Pembangunan Kontraktor.

Kwan Foh Kwai is the Managing Director of Sunway Construction Berhad and President of Master Builders Association of Malaysia for 2010 to 2012 term. Mr Kwan began his career in 1977 with the JKR and moved to Promet Construction Sdn Bhd before moving on to Alam Baru Sdn Bhd. He joined Taisei Corporation of Japan from 1986 to 1996. Mr Kwan has over 34 years of extensive experience working in the construction industry in both the public and private sectors.

In CIDB, he sits as a member of Contractor Development Committee.



DATO' A.K. NATHAN

Dato' A.K. Nathan merupakan Pengurus Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan bagi Eversendai Corporation Sdn. Bhd., sebuah syarikat binaan yang telah berjaya melaksanakan pelbagai projek terkemuka seperti Menara Berkembar Petronas, Menara KL, Bangunan Terminal Utama KLIA dan beberapa projek mega di luar negara. Beliau dinobatkan sebagai CEO of the Year semasa Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2008 dan Brand Personality Award 2009 oleh Brandlaureate Asia Pacific.

Di peringkat Lembaga CIDB, Dato' A.K. Nathan merupakan ahli Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia, Jawatankuasa Pembangunan Kontraktor dan Jawatankuasa Audit.

Dato' A.K. Nathan is the Executive Chairman and Group Managing Director of Eversendai Corporation Sdn. Bhd., a renowned construction company, which has successfully executed prominent projects such as Petronas Twin Towers, The KL Tower, KLIA-Main Terminal Building and several mega projects overseas. He was awarded the CEO of the Year in the Malaysian Construction Industry Excellence Award (MCIEA) 2008 and Brand Personality Award 2009 by the Brandlaureate Asia Pacific.

In the CIDB Board, Dato' A.K. Nathan is a member in the Human Resource Development Committee, Contractor development Committee and Audit Committee

DATO' Dr. Ir. Hj. ABDUL RASHID MAIDIN

Dato' Dr. Ir. Hj. Abdul Rashid Maidin merupakan seorang jurutera bertauliah dan berkelulusan Ijazah Kejuruteraan dari Universiti Teknologi Mara. Beliau pernah menyandang jawatan Naib Presiden Institut Jurutera Malaysia (IEM), ahli jawatankuasa Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Timbalan Presiden Balai Ikhtisas Malaysia. Beliau kini ialah Pengerusi dan penasihat di KTA Tenaga Sdn Bhd.

Di CIDB, beliau merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pembangunan Kontraktor dan Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia.

Dato' Dr. Ir. Hj. Abdul Rashid Maidin is a certified engineer with Bachelor of Engineering degree from University Technology MARA. In 2011, he was the Vice President of the Institute of Engineers Malaysia (IEM), a committee member of Kuala Lumpur City Hall's Board of Advisors and Deputy President of the Malaysian Professional Centre. He is currently the Chairman and Advisor of KTA Tenaga Sdn Bhd.

At CIDB, he is a member of Audit Committee, Contractor Development Committee and Human Resource Development Committee.



DATO' Dr. Ir. GAN THIAN LEONG

Dato' Dr. Ir. Gan adalah Pengasas dan Pengarah Urusan Brunsfield International Group. Beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Sime Darby Brunsfield dan Kumpulan Brunsfield Waterfront. Beliau juga merupakan Felo IEM. Di peringkat antarabangsa, Dato' Dr. Ir. Gan merupakan ahli American Society for Civil Engineers, National Society of Professional Engineers (USA), Canadian Society for Civil Engineers dan Canadian Geotechnical Society.

Dato' Dr. Ir. Gan Thian Leong adalah ahli Jawatankuasa Pembangunan Kontraktor dan Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Pelaburan.

Dato' Dr. Ir. Gan is the Founder and Managing Director of the Brunsfield International Group. He serves as a Board member for Sime Darby Brunsfield Group and the Brunsfield Iskandar Waterfront Group. He is also a Fellow of IEM. On the international front, Dato' Dr. Ir. Gan is a member of the American Society for Civil Engineers, the National Society of Professional Engineers (USA), the Canadian Society for Civil Engineers and the Canadian Geotechnical Society.

Dato' Dr. Ir. Gan Thian Leong is both a member of the CIDB Contractor Development Committee and as well as the CIDB Board's Finance, Accounts and Investment Committee.



TADBIR URUS KORPORAT

Corporate Governance

TADBIR URUS KORPORAT

CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga telah ditadbir berdasarkan prinsip Tadbir Urus Korporat, rujukan dan panduan kepada Akta 520 Lembaga Pembinaan Industri Pembinaan serta pematuhan kepada arahan dan Peraturan kerajaan selaras dengan fungsi dan tanggungjawab ke arah membangunkan industri pembinaan negara.

Anggota Lembaga

Anggota Lembaga telah diamanahkan dengan tanggungjawab untuk membimbing dan memberi garis panduan kepada Pengurusan bagi menjaga kepentingan kerajaan dan "stakeholder".

Komposisi Anggota Lembaga

Lembaga adalah terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut :

- i. Pengerusi
- ii. Enam wakil dari sektor swasta; dan
- iii. Empat wakil yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam termasuk Ketua Eksekutif CIDB

Di Peringkat Lembaga, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan bagi memantau dan mengukuhkan pelaksanaan program-program industri seperti berikut :

i. Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Pelaburan (JKKAP)

Ahli :

- i. YBhg. Datuk Himmat Singh – Pengerusi
- ii. YBhg. Dato' Ir. Gan Thian Leong
- iii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Johari Basri
- iv. YBhg. Datuk Ng Seing Liang J.P
- v. YBhg. Dato' Hashmuddin Mohammad

Terma Rujukan:

- Memberi nasihat dan garis panduan untuk peningkatan pengurusan kewangan Lembaga
- Menentukan dasar, peraturan dan khidmat nasihat berkaitan dengan pelaburan Lembaga.
- Menimbang dan memperakurkan pelantikan pengurus portfolio dan pakar perunding berkaitan dengan pelaburan Lembaga
- Menimbang dan memperakurkan mengenai perolehan hartanah.

The Board is managed based on its Corporate Governance Principles, CIDB Act 520 and in compliance to government directives and circulars, in line with its functions and responsibilities in developing the construction industry.

Members of the Board

The Board Members are entrusted with the duty and responsibility of guiding and advising the Management in advancing the interest of government and its stakeholders.

Composition of the Board

The board consist of the following members :

- i. Chairman
- ii. Six representatives from the private sector; and
- iii. Four representatives who shall hold office in the public services including Chief Executive CIDB

Numerous committees have been established at the Board level to monitor and reinforce the implementations of the industry's programmes such as :

i. The Finance, Accounts and Investment Committee

Members :

- i. YBhg. Datuk Himmat Singh – Chairman
- ii. YBhg. Dato' Ir. Gan Thian Leong
- iii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Johari Basri
- iv. YBhg. Datuk Ng Seing Liang J.P
- v. YBhg. Dato' Hashmuddin Mohammad

Terms of reference :

- Provide advice and guidelines to enhance the Board's financial management.
- Determine policies, regulations and provide consultation services with regards to investments by the Board.
- Deliberate and certify the appointment of portfolio managers as well as consultants who would be in charge of Board investments.
- Deliberate and certify matters relating to property acquisitions.

**DATO' Sri Ir. Dr. JUDIN
ABDUL KARIM**

Dato' Sri Ir. Dr. Judin ialah Ketua Pengarah JKR sebelum beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif CIDB pada Ogos 2011. Beliau turut menyandang beberapa jawatan penting seperti Presiden Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Presiden Persatuan Jurutera Jalan Raya Asia dan Australia (REAAA) dan Pengerusi Persatuan Jalan Raya Sedunia (PIARC) bagi Pertukaran Teknologi dan Pentaluihan Pembangunan. Beliau juga merupakan Fellow Institute of Structural Engineers, UK, Fellow IEM dan Fellow Akademi Sains, Malaysia

Dato' Sri Ir. Dr. Judin was the Director General of JKR before being appointed as the Chief Executive of CIDB on August 2011. He served in a number of important positions which include the President of the Board of Engineers Malaysia (BEM), President of the Road Engineering Association of Asia and Australasia (REAAA) and Chairman of the World Road Association (PIARC) for Technology Exchange and Development Commission. He is also a Fellow of Institute of Structural Engineers, UK, a Fellow of IEM and a Fellow of the Academy of Science, Malaysia.



ii. Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia (JSM)

Ahli :

- i. YBhg. Dato' Dr. Ir. Johari Basri – Pengurus
- ii. YBhg. Dato' Mokhtar Samad
- iii. YBhg. Dato' A.K. Nathan
- iv. YBhg. Datuk Ng Seing Liong J.P
- v. Tn. Hj. Mohd Yusoff Abu Bakar
- vi. Ar Azman Md Hashim
- vii. Ir. Chuan Yeong Ming
- viii. Y. Bhg Datuk Wira Hj. Jamaludin Hj Abdul Rahim
- ix. En. N. Gopal Krishnan
- x. En. Wan Hashimi Albakri
- xi. En. Kasman Bin Gendra

Terma rujukan :

- Memberi pandangan berkaitan keperluan industri dari segi pasaran tenaga kerja bagi menentukan halatuju dan polisi pembangunan sumber manusia dalam industri pembinaan negara.
- Memberi maklumbalas dari segi bidang latihan samada berbentuk kemahiran, teknikal, pengurusan dan sebagainya yang diperlukan mengikut keutamaan bagi pembangunan sumber manusia dalam industri pembinaan negara.
- Memberi maklumbalas mengenai pakar-pakar bagi bidang berkaitan dengan industri pembinaan.
- Memberi pandangan berkenaan laporan berkaitan dengan pembangunan sumber manusia dalam industri pembinaan negara.

iii. Jawatankuasa Audit (JA)

Ahli :

- i. YBhg. Dato' Hashmuddin Mohammad – Pengurus
- ii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Johari Basri
- iii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Hj. Abdul Rashid Maidin
- iv. YBhg. Dato' A.K. Nathan

Terma rujukan :

- Memantau sistem pengurusan dan kewangan Lembaga
- Mengemukakan pandangan ke arah penambahbaikan sistem penyampaian serta prosedur kewangan. Mengkaji laporan audit dalam dan luar dan memperakulkan tindakan susulan yang perlu diambil oleh Lembaga.
- Mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan penyata kewangan, prospektus dan laporan kewangan yang dikeluarkan.
- Mengkaji dan menasihati Lembaga berhubung dengan maklumat prestasi secara kuantitatif.
- Mengesan dan memantau pematuhan kepada peraturan serta tadbir urus.

ii. The Manpower Development Committee

Members :

- i. YBhg. Dato' Dr. Ir. Johari Basri – Pengurus
- ii. YBhg. Dato' Mokhtar Samad
- iii. YBhg. Dato' A.K. Nathan
- iv. YBhg. Datuk Ng Seing Liong J.P
- v. Tn. Hj. Mohd Yusoff Abu Bakar
- vi. Ar Azman Md Hashim
- vii. Ir. Chuan Yeong Ming
- viii. Y. Bhg Datuk Wira Hj. Jamaludin Hj Abdul Rahim
- ix. En. N. Gopal Krishnan
- x. En. Wan Hashimi Albakri
- xi. En. Kasman Bin Gendra

Terms of reference :

- Provide insights related to the needs of the industry in terms of the work force in order to determine the directions and policies of human resource development for the nation's construction industry.
- Provide feedback with regards to areas of training in the area of skills, technical, management as well as other related areas, to be addressed in terms of priority for the purpose of human resource development within the nation's construction industry.
- Provide feedback with regards to the specialists relevant to the construction industry.
- Provide opinions on reports related to human resource development within the nation's construction industry.

iii. The Audit Committee (AC)

Members :

- i. YBhg. Dato' Hashmuddin Mohammad - Chairman
- ii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Johari Basri
- iii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Hj. Abdul Rashid Maidin
- iv. YBhg. Dato' A.K. Nathan

Terms of reference :

- Monitor the management and financial systems of the Board.
- Provide guidelines towards the improvement of the delivery systems as well as its financial procedures. Review internal and external audit reports as well as certify follow up action plans to be taken by the Board.
- Review and advise the Board in matters relating to financial statements, prospectus and financial reports issued.
- Review and advise the Board on matters related to performance information in a quantitative manner.
- Monitor compliance to the regulations and governance.

iv. Jawatankuasa Pembangunan Kontraktor (JPK)

Ahli :

- i. YBhg. Dato' Mokhtar Samad – Pengurus
- ii. YBhg. Dato' A.K. Nathan
- iii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Hj. Abdul Rashid Maidin
- iv. YBhg. Dato' Ir. Gan Thian Leong
- v. En. Kwan Foh Kwai
- vi. YBhg. Dato' Sri Sufri Hj. Mohd Zin
- vii. YBhg. Datuk Ahmad Azizi Ali
- viii. En. Tan Lai Seng
- ix. En. Azhar Basirun
- x. Mejari (B) Kamarudin Mohd Salleh
- xi. En. Wan Fakhru Wan Zakaria
- xii. En. Wan Hashimi Albakri
- xiii. Puan Sariah Abu Hassan
- xiv. En. N Gopal Krishnan
- xv. Puan Sariah Abd. Karib

Terma rujukan :

- Memberi pandangan mengenai keperluan industri berkaitan pembangunan kontraktor berdasarkan keperluan industri dan negara;
- Memberi pandangan berkaitan dengan bidang-bidang keutamaan dalam usaha membangunkan kapasiti kontraktor.
- Memberi garis panduan mengenai keperluan pembangunan kapasiti dan kapabiliti kontraktor.
- Menerima dan mengesahkan pembangunan standard ketrampilan kontraktor bagi tujuan latihan berterusan.

Di peringkat organisasi perancangan dan pelaksanaan program industri dikawal dan dikawalselia menerusi Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi (JPT), Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JKA), Jawatankuasa Perolehan, Jawatankuasa Sumber Manusia, Jawatankuasa Kualiti dan Jawatankuasa Penerbitan.

Pelaksanaan program peningkatan kualiti telah diamalkan menerusi pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO9001:2000 yang merangkumi aktiviti utama seperti pendaftaran, levi dan kad hijau.

Pengurusan keselamatan dan kesihatan juga telah dilaksanakan menerusi persijilan OHSAS 18001:2007/ MS1722 Part 1:2005 bermula 18 Julai 2008 yang melibatkan aktiviti-aktiviti di Sektor Pejabat Ketua Eksekutif/ Korporat dan Unit Standard dan Kualiti. Satu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan telah ditubuhkan bagi memantau aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

iv. The Contractor Development Committee

Members :

- i. YBhg. Dato' Mokhtar Samad – Chairman
- ii. YBhg. Dato' A.K. Nathan
- iii. YBhg. Dato' Dr. Ir. Hj. Abdul Rashid Maidin
- iv. YBhg. Dato' Ir. Gan Thian Leong
- v. Mr. Kwan Foh Kwai
- vi. YBhg. Dato' Sri Sufri Hj. Mohd Zin
- vii. YBhg. Datuk Ahmad Azizi Ali
- viii. En. Tan Lai Seng
- ix. En. Azhar Basirun
- x. Mejari (B) Kamarudin Mohd Salleh
- xi. En. Wan Fakhru Wan Zakaria
- xii. En. Wan Hashimi Albakri
- xiii. Puan Sariah Abu Hassan
- xiv. En. N Gopal Krishnan
- xv. Puan Sariah Abd. Karib

Terms of reference :

- Provide advice relating to needs for contractor development based on industry and nation demands;
- Provide opinions related to priority areas in the effort to develop contractor capacity.
- Provide guidelines relating to the need for capacity development and contractors capabilities.
- Receive and certify contractors efficiency standards for the purpose of continuous training.

At the organization level, the planning and implementation of industry programme is being controlled and regulated through various committee such as The Top Management Committee, Finance and Accounts Committee, Procurement Committee, Human Resource Committee, Quality Committee as well as Publications Committee.

The management implemented the quality improvement programme through the implementation of Quality Management Systems MS ISO9001:2000 involving main activities such as registration, levy collection as well as the green card.

CIDB has also embarked on safety and health management through certification of OHSAS 18001:2007/ MS1722 Part1:2005 from 18 July 2008 covers activities at Chief Executive Office/Corporate and Standard & Quality Unit. The Safety and Health Committee was also established to monitor safety and health aspects at the workplace.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Corporate Social Responsibility

Sebagai sebuah entiti yang menjalankan operasinya dengan penuh ketelusan dan bertanggungjawab serta mematuhi amalan-amalan utama pentadbiran korporat yang baik, CIDB turut melaksanakan beberapa aktiviti tanggungjawab sosial korporat yang dapat menyumbang ke arah pembangunan komuniti, masyarakat dan ekonomi negara.

Untuk tahun 2012, sebanyak dua program tanggungjawab sosial korporat telah dijalankan. Program-program ini ialah ;

1. Projek pembinaan rumah rakyat termiskin di Kampung Mukim Simpang 3, Mukim Sok, Daerah Sik, Kedah.
2. Projek Menaik Taraf Medan Selera Pantai Peringgit dan Kawasan Sekitar

Projek Pembinaan Rumah Rakyat Termiskin Di Simpang 3 Nami, Kedah

